

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Insurans ‘Auto Shield’

NOTA PENTING: Sila baca Lampiran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans ‘Auto Shield’. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma dan syarat-syarat amnya.

1. Apakah produk ini?

Seksyen A melindungi Pihak Diinsuranskan, pemandu dan/atau penumpang sekiranya berlaku kecederaan anggota badan disebabkan kemalangan yang mengakibatkan kematian atau hilang upaya semasa memandu atau menunggang, menaiki atau turun daripada kenderaan yang dinamakan dalam polisi.

Polisi ini juga diperluaskan untuk melindung Pihak Diinsuranskan (Pemegang Polisi) selama 24 jam seluruh dunia tanpa mengira sama ada Pihak Diinsuranskan di dalam kenderaan yang dinamakan dalam polisi terhadap kematian atau hilang upaya kekal disebabkan oleh kejadian malang yang tidak disengajakan, keganasan, secara luaran dan ketara. Jika kenderaan yang diinsuranskan didaftarkan di bawah Persatuan/Koperasi/Syarikat, pemilik kenderaan yang diinsuranskan sebagai pemegang polisi boleh menamakan pekerjaannya untuk dilindungi di bawah perluasan perlindungan ini.

Seksyen B (faedah pilihan) diperuntukan untuk pemilik kenderaan persendirian sahaja yang berhasrat untuk melindungi faedah-faedah lain seperti Perbelanjaan Semburan Cat Kenderaan dan Elaun Kesulitan Harian.

Nota: Sila rujuk kepada risalah untuk butiran faedah pada Seksyen A dan/atau Seksyen B.

Kelayakan – Pemegang polisi motor komprehensif berusia 17 tahun hingga 70 tahun sahaja. Faedah pilihan hanya untuk kenderaan persendirian yang diinsuranskan dengan AmGeneral Insurance Berhad di bawah insurans motor komprehensif.

2. Apakah perlindungan/faedah yang diberikan?

Sila rujuk kepada Jadual Faedah dalam risalah produk.

Tempoh perlindungan lazimnya adalah selama setahun .Anda perlu memperbaharui perlindungan anda setiap tahun melainkan anda telah mendaftar arahan pembayaran pembaharuan automatik untuk pembaharuan secara automatik, tertakluk kepada terma dan syarat.

3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung pada pelan yang dipilih. Anda boleh merujuk kepada risalah untuk maklumat terperinci.

4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

Yuran dan bayaran yang anda perlu bayar ialah:

Jenis	Jumlah
Cukai Perkhidmatan	6% daripada premium
Duti setem	RM10.00
Komisen ejen apabila melibatkan pengantara	25% daripada premium

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

- (i) Kepentingan membuat Pendedahan – MENURUT AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013, Seksyen 129, Jadual 9, Perenggan 5: Adalah menjadi kewajipan pengguna untuk mengambil penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan kepada penanggung insurans berlesen semasa menjawab apa-apa soalan yang diperlukan yang berkaitan dengan keputusan penanggung insurans sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.
- (ii) Peruntukan khas (Seksyen A)
 - a) Sekiranya bilangan penumpang sebenar melebihi bilangan yang dinyatakan dalam jadual polisi, had liabiliti Syarikat bagi setiap orang di bawah Seksyen A akan dikurangkan mengikut nisbah bilangan sebenar penumpang kepada bilangan penumpang yang diisyiharkan. Had tidak terpakai kepada pemandu
 - b) Penumpang yang berusia antara 3 tahun hingga 15 tahun adalah berhak mendapat 50% daripada semua faedah di bawah Seksyen A.
- (iii) Penumpang berusia 3 tahun hingga 70 tahun adalah dilindungi.
- (iv) Pemandu mestilah memegang lesen memandu yang sah dan had wilayah yang dilindungi adalah Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam.
- (v) Faedah pilihan hanya boleh ditutut sekiranya berlaku kemalangan kerosakan sendiri yang sepadan pada kenderaan dinamakan yang dibuat terhadap polisi kenderaan persendirian komprehensif Pihak Diinsuranskan yang perlu dibayar oleh Syarikat.
- (vi) Pematuhan syarat-syarat polisi – kegagalan untuk mematuhi mana-mana syarat polisi akan menyebabkan semua tuntutan menjadi tidak sah.
- (vii) Dua atau Lebih Polisi – Jika berlaku tuntutan di bawah Faedah 3 (Perbelanjaan Perubatan, Pembedahan Pembetulan Gigi dan/atau Kosmetik dan/atau Fi Ambulans) terdapat mana-mana insurans lain yang melindungi risiko yang sama, sama ada dengan AmGeneral atau syarikat insurans lain, AmGeneral akan membayar secara pembayaran balik sehingga had liabiliti dan tidak bertanggungjawab bagi jumlah lebih daripada baki tuntutan belum dibayar oleh syarikat-syarikat insurans lain.
- (viii) Pihak Diinsuranskan yang berumur 16 tahun dan ke atas tetapi di bawah umur 18 tahun mestilah mendapatkan kebenaran ibu bapa/penjaga sebelum membeli Polisi insurans ini.

6. Apakah pengecualian utama di dalam polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- Keadaan dan penyakit pra-wujud dan sebarang bentuk penyakit;
- Melahirkan anak atau keguguran;
- Jika Pihak Diinsuranskan atau Pemandu Dibenarkan memandu di bawah pengaruh minuman keras atau arak yang memabukkan, narkotik, dadah berbahaya atau dadah-dadah lain yang memudaratkan atau bahan yang memabukkan sehingga Pihak Diinsuranskan atau Pemandu Dibenarkan tidak dapat mengawal kenderaan dengan baik;
- Ketika kenderaan tersebut digunakan untuk kegiatan yang menyalahi undang-undang atau sebagai pengangkut tidak berlesen;
- Bunuh diri dan sebarang bentuk percubaan bunuh diri;
- Pihak Diinsuranskan atau Pemandu Dibenarkan tidak mempunyai lesen yang sah untuk memandu kenderaan. Pengecualian ini tidak dikuat kuasakan sekiranya Pihak Diinsuranskan atau Pemandu Dibenarkan memiliki lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan memiliki atau memperolehi lesen memandu di bawah undang-undang, undang-undang kecil atau peraturan yang ada;
- Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau penyakit Kompleks Berkaitan AIDS (ARC).
- Keganasan.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian yang terkandung di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini dan apakah caranya untuk membatalkan?

Anda boleh membatalkan polisi dengan memberikan 14 hari notis bertulis kepada AmGeneral. Selepas pembatalan, pihak Syarikat akan membayar balik premium tolak premium dikira pada kadar jangka pendek pihak Syarikat bagi tempoh polisi ini telah berkuatkuasa dalam tempoh insurans semasa, dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat ke atas polisi semasa.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan di dalam butiran perhubungan saya?

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan kepada maklumat terperinci anda bagi memastikan yang kesemua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai insurans kemalangan diri, sila rujuk kepada risalah *insuranceinfo* mengenai 'Insurans Kemalangan Diri', yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan senaskhah salinan daripada ejen insurans atau layari www.insuranceinfo.com.my.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

AmGeneral Insurance Berhad

Menara Shell,
No. 211, Jalan Tun Sambanthan,
50470, Kuala Lumpur, Malaysia.
Talian Bebas : 1-800-88-6333
E-mel : customer@kurnia.com
Laman Web : www.kurnia.com

10. Lain-lain jenis Perlindungan Insurans Serupa yang Ada

'Perfect Rider Plus'
'Driver and Passengers' PA'

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBERI PERHATIAN KEPADA SKALA FAEDAH UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MESTI MENAMAKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA BELI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANSINI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

AmGeneral Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang disediakan dalam lampiran pemberitahuan ini adalah sah pada 1 September 2018.